



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

Majlis Pelancaran Buku
'HAKNUK'
& **Perasmian Karnival**
USAHANITA
Universiti Malaysia Pahang

Disempurnakan oleh

**KEBAWAH DULI YANG TERAMAT MULIA TENGGU
PUAN PAHANG TUNKU HAJAH AZIZAH AMINAH
MAIMUNAH ISKANDARIAH BINTI AL-MUTAWAKKIL
'ALALLAH SULTAN ISKANDAR AL-HAJ,
DK., DK (Johor), SPMJ.**

**16 Jun 2009 (Selasa) 9:30 Pagi
Dataran Canseleri
Universiti Malaysia Pahang**

Latar Belakang

Buku 'Haknuk' adalah sebuah buku *coffee table* yang julung-julung kalinya diterbitkan oleh Universiti Malaysia Pahang (UMP). Keunikan buku ini terletak pada isi kandungannya yang merakamkan perjalanan dan pengalaman sekumpulan pegawai dan pelajar UMP ketika menjalankan aktiviti Projek Semaian Kasih bersama masyarakat Orang Asli suku kaum Semai di Kampung Kuala Boh, Cameron Highlands pada 17 hingga 19 Oktober 2008. Tulisan dan foto yang menghiasi buku ini adalah hasil nukilan dan rakaman lensa para peserta Projek Semaian kasih sendiri.

Bagi memeriahkan lagi pelancaran buku 'Haknuk', satu Karnival Usahanita juga turut diadakan. Melalui kerjasama daripada Unit Keusahawanan & Inovasi, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, sebanyak 14 buah gerai jualan akan dibuka bagi memberi peluang kepada usahanita tempatan mempromosi serta memasarkan produk jualan mereka. Karnival ini turut mendapat sokongan Pusat Pengembangan Tenun Pahang Diraja yang akan mempamerkan kehalusan seni, ketinggian mutu dan keunikan fabrik Tenun Pahang Diraja sebagai salah satu khazanah berharga Negeri Pahang Darul Makmur.

Atur Cara

- | | | |
|-------------------|---|--|
| 9:30 Pagi | - | Ketibaan Dif-Dif Jemputan, Staf dan Pelajar |
| 10:00 Pagi | - | Ketibaan Yang Hormat Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim & Isteri |
| 10:30 Pagi | - | Keberangkatan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Al-Mutawakkil 'Alallah Sultan Iskandar Al-Haj, DK., DK(Johor), SPMJ. |
| | - | Persembahan Ucapan Yang Hormat Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang |
| | - | Titah Diraja Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang |
| | - | Pelancaran buku 'Haknuk' oleh Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang |
| 11:30 Pagi | - | Keberangkatan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang ke Tapak Karnival Usahanita |
| 12:00 Tengah Hari | - | Majlis Santapan Tengah Hari |
| | - | Keberangkatan Pulang Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang |

Menjunjung Kasih

Universiti Malaysia Pahang (UMP)
menyembah ucapan setinggi-tinggi Junjung Kasih
di atas limpah perkenan

**Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang
Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti
Al-Mutawakkil 'Alallah Sultan Iskandar Al-Haj,
DK., DK (Johor)., SPMJ.**

berangkat menyempurnakan
Majlis Pelancaran Buku 'Haknuk'
& Perasmian Karnival Usahanita
Universiti Malaysia Pahang.